2014

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN PADA TAHUN 2014

47 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa

48 Keadaan Monetari dan Kewangan Domestik

54 Pembiayaan Ekonomi

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Pasaran kewangan global menempuh dua fasa pada tahun 2014. Pada hampir keseluruhan lapan bulan pertama tahun itu, pasaran kewangan global mengalami turun naik yang sangat rendah, penilaian yang lebih tinggi merentas pelbagai kelas aset dan spread yang lebih kecil. Perkembangan ini didorong oleh pengambilan risiko kewangan yang lebih besar dalam keadaan mudah tunai global yang lebih daripada mencukupi, kadar faedah yang rendah dan persepsi bahawa ketidakpastian dasar telah berkurang. Walau bagaimanapun, keadaan ini kemudiannya telah berubah, didorong oleh ketidakpastian berhubung dengan usaha mengembalikan semula dasar monetari ke paras yang wajar (policy normalisation) di Amerika Syarikat (AS), kebimbangan yang muncul semula terhadap kadar pertumbuhan global disebabkan terutamanya oleh perkembangan di kawasan euro yang lebih lemah daripada jangkaan, serta penurunan harga minyak mentah dan harga komoditi lain secara mendadak.

Pasaran kewangan global mengalami turun naik lebih ketara menjelang akhir tahun berikutan kebimbangan terhadap pertumbuhan global dan penurunan mendadak harga komoditi

Pada permulaan tahun, pasaran kewangan global terjejas seketika akibat kebimbangan terhadap pertumbuhan di AS dan perkembangan yang tidak menggalakkan dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun. Namun begitu, faktor-faktor khusus yang boleh menjejaskan sesebuah negara ini adalah bersifat sementara. Walaupun prestasi ekonomi utama dunia pada suku kedua dan ketiga tidak sekata, prospek pertumbuhan yang bertambah baik dan ketidakpastian dasar yang berkurang dalam beberapa ekonomi maju telah menyokong sentimen pasaran yang positif. Kesannya, harga aset meningkat dan kadar hasil bon berkurang. Di samping itu, persekitaran turun naik yang rendah dalam pertukaran asing juga menyumbang kepada peningkatan daya tarikan aktiviti `carry trade´ (pelabur meminjam dalam mata wang pada kadar faedah yang rendah dan melabur dalam mata wang pada kadar faedah yang tinggi). Akibatnya, aliran masuk modal bersih ke dalam pasaran sedang pesat membangun dianggarkan kira-kira USD52 bilion[1] pada suku kedua dan ketiga. Meskipun adakalanya terdapat turun naik yang ketara, Chicago Board Options Exchange Volatility Index (VIX), yang merupakan pengukur turun naik pasaran, jatuh ke paras yang rendah pada bulan Julai 2014. Paras rendah ini kali terakhir dilihat sebelum Krisis Kewangan Global. Seiring dengan perkembangan ini, Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun (MSCI Emerging Market Index) bertambah 16.2%, manakala spread Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun (Emerging Market Bond Index, EMBI) JP Morgan mengecil sebanyak 83.5 mata asas dari bulan Februari hingga Ogos 2014.

Keadaan kewangan yang memberangsangkan bertukar arah pada bulan September dalam keadaan ketidakpastian berhubung dengan masa bermulanya penjajaran kadar faedah di AS. Memandangkan peningkatan aliran spekulatif dan pencarian hasil yang ketara didorong oleh keadaan monetari yang sangat longgar dalam ekonomi maju, kebalikan aliran ini dan penghindaran risiko juga meningkat dengan ketara. Pada bulan Oktober, peningkatan penghindaran risiko semakin mendadak susulan semakan ke bawah prospek pertumbuhan bagi beberapa ekonomi utama. Perkembangan ini meningkatkan kebimbangan pelabur, seterusnya menyebabkan pelarasan semula yang ketara dalam pasaran kewangan global. Akibatnya, indeks VIX bertambah lebih dua kali ganda daripada 12.7 pada 17 September kepada 26.3 pada 15 Oktober, iaitu paras harian tertinggi sejak kemuncak krisis hutang kerajaan di kawasan euro pada akhir tahun 2011. Kira-kira 70% daripada aliran pelaburan portfolio yang memasuki pasaran sedang pesat membangun sejak bulan Januari 2014 telah mengalami kebalikan sepanjang

[1] Sumber: Emerging Market Portfolio Research (EPFR) Global

Rajah 2.1

Turun Naik Pasaran Kewangan Global



Nota: [1]Merujuk kepada Indeks VIX
[2]Merujuk kepada Indeks Merrill Lynch Option Volatility Estimate (MOVE)

Sumber: Bloomberg

tempoh 16 September hingga 22 Oktober. Antara 1 September hingga 16 Oktober, Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun menurun 10.8% manakala spread EMBI JP Morgan meningkat sebanyak 63.1 mata asas.

Harga minyak dan kebanyakan harga komoditi lain telah jatuh sejak bulan Jun disebabkan bekalan global yang semakin meningkat melebihi permintaan yang semakin perlahan. Walau bagaimanapun, penurunan harga minyak sejak 28 November, selepas OPEC memutuskan untuk mengekalkan paras bekalan yang disasarkannya, telah mengalih tumpuan pelabur global kepada kemungkinan bahawa harga komoditi yang rendah akan memberikan kesan terhadap negara-negara pengeksport komoditi utama terutama sekali kedudukan fiskal dan posisi luaran mereka. Pada tempoh ini, mata wang negara-negara pengeksport minyak[2] mengalami

Rajah 2.2

Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun



Sumber: Bloomberg

[2] Negara-negara ini termasuk Algeria, Kanada, Malaysia, Mexico, Nigeria, Norway dan Rusia.

Rajah 2.3

Spread Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun (EMBI) JP Morgan



Sumber: Bloomberg

tekanan susut nilai, menyusut antara 2.3% hingga 20.0% dalam keadaan aliran keluar modal yang besar. Secara keseluruhan, antara 28 November hingga 31 Disember, Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun jatuh lagi sebanyak 5.6% manakala spread EMBI JP Morgan meningkat dengan ketara sebanyak 51.7 mata asas.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan yang semakin tidak sekata merentas ekonomi utama, jangkaan bahawa dasar monetari akan berbeza-beza dalam ekonomi maju dan harga minyak yang tidak pasti akan terus menyebabkan peralihan aliran mudah tunai global, diikuti dengan turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan dan mata wang.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN DOMESTIK

Kadar pertukaran

Meskipun trend perdagangan dua hala dan aliran pelaburan langsung terus meningkat, aliran portfolio merupakan penyumbang utama bagi kadar pertukaran ringgit pada tahun 2014. Perkembangan ringgit pada tahun itu mempamerkan dua corak yang nyata. Antara bulan Februari hingga bulan Ogos 2014, ringgit secara amnya menambah nilai disebabkan aliran masuk portfolio yang berterusan. Walau bagaimanapun, dari bulan September, ringgit bersama-sama dengan kebanyakan mata wang serantau menghadapi tekanan susut nilai yang ketara apabila pelabur melupuskan pemegangan aset kewangan mereka di rantau ini dalam keadaan kebimbangan pelabur berkaitan kemungkinan perubahan dalam dasar monetari AS dan tanda-tanda kelemahan dalam momentum pertumbuhan global.

Pasaran kewangan global mengalami tempoh turun naik yang luar biasa rendah bagi tempoh antara bulan Februari hingga Ogos 2014. Ini didorong terutamanya oleh keyakinan pelabur yang semakin meningkat berikutan ketidakpastian makroekonomi yang berkurang dan prospek ekonomi global yang bertambah baik, khususnya dalam ekonomi maju. Keadaan ini berserta dengan jangkaan bahawa kadar faedah rendah dan keadaan mudah tunai global lebih daripada mencukupi akan berterusan telah menarik pelabur antarabangsa untuk melabur dalam aset kewangan serantau. Di dalam negeri, asas ekonomi Malaysia yang terus kukuh seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh daripada jangkaan pada separuh pertama tahun itu telah menyumbang kepada keyakinan dan minat yang kukuh terhadap aset kewangan Malaysia. Dalam persekitaran ini, Malaysia mencatat aliran masuk portfolio bukan pemastautin sebanyak RM11 bilion pada tiga suku pertama tahun itu. Hasilnya, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 6.0% antara bulan Februari hingga Ogos 2014, sehingga mencecah RM3.1570 berbanding dengan dolar AS pada akhir bulan Ogos. Pada tempoh tersebut, penambahan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS adalah yang terbesar antara mata wang serantau. Berikutan turun naik yang sangat rendah ini, terdapat kebimbangan yang semakin meningkat pada tempoh ini bahawa pengambilan risiko yang meningkat oleh pelabur global dan diikuti kenaikan harga aset global boleh meningkatkan lagi kelemahan pasaran kewangan global kepada sentimen yang beralih secara tiba-tiba.

Kadar pertukaran ringgit dipengaruhi oleh faktor dalam dan luar negeri

Sentimen mula beralih pada tempoh bulan September-Oktober apabila ringgit bersama-sama dengan mata wang serantau lain pada amnya menyusut nilai berbanding dengan dolar AS. Penurunan nilai mata wang serantau ini lebih banyak didorong perkembangan dalam ekonomi maju berbanding dengan mana-mana faktor khusus yang membabitkan rantau atau negara yang tertentu. Khususnya, perkembangan ini menunjukkan pengukuhan dolar AS dalam keadaan prospek ekonomi AS yang lebih baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah AS. Bagi Malaysia, aliran masuk modal bukan pemastautin yang telah terkumpul sejak lapan bulan pertama tahun itu mengalami kebalikan mendadak bermula pada bulan September. Aliran keluar modal semakin meningkat menjelang akhir bulan November dan pada awal bulan Disember. Kebalikan aliran portfolio ini telah menyebabkan penurunan nilai ringgit.

Bagi keseluruhan tahun 2014, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.1% untuk mengakhiri tahun itu pada RM3.4950 berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan paun sterling tetapi menambah nilai berbanding dengan euro dan yen Jepun. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit pada amnya lebih lemah. Walau bagaimanapun, Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate, NEER) ringgit, yang mengukur prestasi ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, secara relatif kekal stabil dengan susut nilai hanya sebanyak 0.6%.

Aktiviti dalam pasaran derivatif pertukaran asing pada tahun itu juga menunjukkan peralihan sentimen pelabur sejak bulan September. Jumlah urus niaga adalah rendah pada awal tahun, dengan jumlah harian purata urus niaga derivatif mata wang asing berada pada USD4.7 bilion antara bulan Februari hingga Ogos 2014. Disebabkan turun naik pasaran kewangan dan kadar pertukaran ringgit menjadi lebih ketara sejak bulan September, jumlah harian purata meningkat kepada USD5 bilion pada bulan September-Oktober. Sebahagian daripada peningkatan aktiviti ini didorong oleh pengeksport tempatan yang melindung nilai pendedahan mata wang asing

Rajah 2.4

Ringkasan Prestasi Ringgit Malaysia (RM) Berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau



Nota: (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.5

Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dan Mata Wang Serantau Terpilih Berbanding dengan Dolar AS



[1] Mata wang serantau: renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan Baharu dan baht Thailand. Setiap mata wang bewajaran seimbang.

Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit atau mata wang serantau terpilih berbanding dengan dolar AS

Sumber: Bank Negara Malaysia

mereka melalui jualan hadapan dolar AS, sambil mengambil kesempatan daripada penambahan nilai dolar AS berbanding dengan kebanyakan mata wang lain. Turun naik pasaran yang meningkat dan dolar AS yang semakin kukuh telah meningkatkan permintaan keseluruhan terhadap lindung nilai dan menyebabkan meningkatnya kos peminjaman dalam dolar AS melalui pasaran swap mata wang bersilang USD/RM. Kadar swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun meningkat daripada purata 73 mata asas antara bulan Februari hingga Ogos kepada 84 mata asas pada bulan September-Oktober.

Dengan prospek Federal Reserve (Fed) akan mula mengembalikan dasar monetarinya pada paras yang wajar dalam keadaan pelonggaran dasar monetari yang berterusan oleh European Central Bank dan Bank of Japan, turun naik akan terus berlaku dalam aliran modal, pasaran kewangan dan kadar pertukaran. Langkah-langkah dasar yang diambil bagi memastikan bahawa turun naik aliran modal seperti itu dan turun naik yang sama dalam pasaran kewangan dan kadar pertukaran domestik tidak menular ke dalam ekonomi benar akan menjadi fokus utama dasar. Dalam hal ini, usaha untuk mengukuhkan penampan dan daya tahan domestik bagi menghadapi aliran modal yang lebih besar dan lebih tidak menentu telah menjadi penting. Bagi Malaysia, asas-asas domestik yang kukuh, kadar pertukaran yang lebih fleksibel, paras rizab antarabangsa yang mencukupi, pasaran kewangan yang lebih mendalam dan lebih pelbagai serta sistem perbankan yang kukuh, semuanya adalah penting kepada daya tahan Malaysia bagi menghadapi berlakunya turun naik aliran modal. Dasar yang fleksibel, termasuk keupayaan untuk menggunakan alat kehematan mikro dan makro juga adalah penting untuk mengurus risiko yang berkaitan dengan aliran modal tersebut.

Kadar faedah, kadar hasil bon dan harga ekuiti

Kadar faedah meningkat pada tahun 2014 berikutan keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai 2014. Kadar faedah juga dinaikkan pada tahun itu kerana persaingan yang terus sengit dalam pasaran deposit di kedua-dua segmen runcit dan borong. Pendeposit memperoleh manfaat melalui kadar pulangan yang lebih tinggi ke atas tabungan mereka susulan kenaikan OPR. Berikutan peningkatan kos dana kepada bank-bank, kos peminjaman kepada sektor isi rumah dan perniagaan juga telah dinaikkan. Meskipun kos peminjaman meningkat, keadaan monetari terus menyokong pertumbuhan.

Susulan kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas, transmisi kepada pasaran wang dan kewangan telah berlaku dengan pantas. Kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) meningkat sebanyak 22 mata asas pada 11 Julai 2014 daripada 3.00% kepada 3.22%, dengan kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Selain dipengaruhi OPR, kadar antara bank bagi tempoh matang yang lebih panjang juga meningkat. Pada tahun itu, bank-bank berusaha menaikkan paras pendanaan yang stabil[3] bagi memenuhi keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[4] di bawah Basel III baharu yang bakal dilaksanakan secara berperingkat. Walau bagaimanapun, persaingan untuk memperoleh pendanaan yang lebih stabil menjadi lebih sengit disebabkan pertumbuhan deposit keseluruhan yang lebih perlahan ekoran aliran keluar bersih yang sebahagiannya mencerminkan pempelbagaian pelaburan oleh syarikat di luar negeri dan aliran keluar

[3] Di bawah LCR, jenis pendanaan yang stabil ialah dana yang mempunyai kebarangkalian pengeluaran yang rendah ketika berlaku episod tekanan kewangan. Pendanaan yang disifatkan paling stabil adalah yang bersumber daripada deposit runcit, diikuti oleh deposit syarikat, manakala pendanaan daripada institusi kewangan lain adalah yang paling berisiko untuk dikeluarkan.

[4] Rujuk Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2014 untuk perbincangan lanjut mengenai piawaian LCR.

portfolio. Bagi meningkatkan paras pendanaan yang stabil untuk mematuhi LCR, bank-bank bersaing untuk menarik deposit syarikat besar dengan menawarkan kadar deposit yang lebih tinggi. Ini telah menyebabkan peralihan dalam deposit syarikat merentas bank-bank. Bank-bank yang mengalami pengeluaran deposit syarikat beralih kepada peminjaman dalam pasaran antara bank untuk menggantikan dana yang berkurang, lantas menaikkan bidaan terhadap kos peminjaman antara bank. Bagi tahun 2014 secara keseluruhan, Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3 bulan meningkat daripada 3.31% kepada 3.86%.

Walau bagaimanapun, penurunan KLIBOR 3 bulan telah dicatat susulan pengumuman BNM pada 30 Januari 2015 mengenai pengaturan untuk memudahkan peralihan yang lancar kepada pelaksanaan sepenuhnya LCR menjelang tahun 2019. Pengaturan ini termasuk meluaskan skop untuk mengiktiraf aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid asset, HQLA)[5] dan penjelasan selanjutnya mengenai olahan jangkaan aliran keluar tunai bank-bank yang telah membantu meredakan tekanan pendanaan.

Kadar bagi swap kadar faedah dan kadar niaga hadapan KLIBOR 3 bulan meningkat pada separuh pertama tahun 2014 berikutan jangkaan kenaikan OPR pada separuh kedua tahun itu, dan terus

Rajah 2.6

Kadar Pasaran Wang dan Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

[5] HQLA merujuk kepada aset yang boleh ditukar kepada tunai dengan mudah dan cepat dengan sedikit atau tanpa kerugian nilai, walaupun dalam tempoh tekanan. Dalam kes sistem perbankan Malaysia, HQLA kini terdiri terutamanya daripada pemegangan sekuriti kerajaan oleh bank-bank dan penempatan deposit dengan BNM.

Rajah 2.7

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

diniagakan lebih tinggi selepas kenaikan OPR pada bulan Julai. Walau bagaimanapun, kadar ini menjadi sederhana menjelang akhir suku ketiga berikutan kemelesetan jangkaan pasaran bahawa OPR akan terus dinaikkan apabila MPC mengambil keputusan untuk mengekalkan OPR pada 3.25% pada bulan September.

Kenaikan OPR menyebabkan kadar deposit runcit dinaikkan, sekali gus memberikan kadar pulangan yang lebih tinggi kepada penyimpan. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bagi bank perdagangan untuk tempoh matang 1 hingga 12 bulan telah meningkat antara 15 hingga 17 mata asas daripada 3.07% hingga 3.30% pada akhir bulan Julai. Bank-bank juga bersaing untuk menarik deposit dengan melancarkan kempen tabungan yang menawarkan kadar deposit yang lebih tinggi untuk deposit dalam jumlah yang besar bagi tempoh matang terpilih.

Kos peminjaman isi rumah telah dinaikkan berikutan kos dana institusi kewangan yang lebih tinggi. Kadar pinjaman tanda aras, seperti yang diukur oleh purata kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR), meningkat sebanyak 25 mata asas kepada 6.79%. Kadar pinjaman runcit bagi pembelian harta tanah dan sekuriti dinaikkan masing-masing sebanyak 22 mata asas dan 25 mata asas. Berikutan pelaksanaan Penentuan Harga Berasaskan Pengetahuan Risiko (Risk Informed Pricing, RIP), kadar sewa beli meningkat dengan magnitud yang lebih besar, menunjukkan amalan pengurusan risiko bank yang bertambah baik. Kadar pinjaman perniagaan juga dinaikkan, tetapi pada kadar yang lebih rendah, disebabkan persaingan sengit antara bank.

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) telah dipengaruhi oleh gabungan faktor dalam dan luar negeri pada tahun 2014. Bagi tempoh 11 bulan pertama, meskipun jangkaan pasaran dan kadar dasar yang akhirnya dinaikkan oleh Bank telah menyebabkan kenaikan pada keluk kadar hasil MGS jangka pendek, minat pelabur yang berterusan telah menyumbang kepada peralihan ke bawah bagi keluk kadar hasil MGS untuk tempoh matang yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, trend menurun ini mengalami kebalikan pada bulan Disember susulan kenaikan kadar hasil MGS jangka panjang.

Keluk kadar hasil mendatar pada tahun 2014

Selepas melalui suatu tempoh yang secara relatifnya stabil pada awal tahun 2014, kadar hasil MGS jangka pendek meningkat bermula pada bulan Mei berikutan jangkaan pasaran terhadap kenaikan kadar dasar. Kadar hasil terus meningkat walaupun selepas pelarasan OPR pada bulan Julai disebabkan peserta pasaran menjangka kadar dasar dinaikkan lagi pada bulan September. Kadar hasil jangka pendek stabil pada bulan September, selepas MPC mengambil keputusan untuk mengekalkan OPR pada kadar yang sama. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun 2014, kadar hasil meningkat disebabkan pelabur bukan pemastautin melupuskan pelaburan portfolio mereka. Bagi keseluruhan tahun itu, kadar hasil MGS 1 tahun telah meningkat sebanyak 45 mata asas.

Rajah 2.8

Keluk Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sebaliknya, kadar hasil jangka panjang mengalami trend menurun pada sebahagian besar tahun 2014. Aliran masuk portfolio ke dalam pasaran bon domestik pada tiga suku pertama tahun itu menyebabkan pemegangan MGS oleh bukan pemastautin meningkat dan mencapai paras tertingginya sebanyak 48.4% pada bulan Julai (akhir bulan Disember 2013: 44.9%)[6]. Lantaran itu, meskipun OPR dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai, kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 25 mata asas[7] antara bulan Januari hingga Julai 2014. Di samping itu, pelabur pemastautin, iaitu institusi kewangan, juga telah meningkatkan pemegangan MGS sebagai persediaan untuk memenuhi keperluan Basel III. Keadaan ini terus menyumbang kepada penurunan kadar hasil jangka panjang bagi tempoh 11 bulan yang pertama. Walau bagaimanapun, kadar hasil MGS 10 tahun meningkat pada pertengahan bulan Disember apabila pelabur pemastautin menyelaraskan kedudukan pelaburan mereka menjelang akhir tahun. Kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sebanyak 29 mata asas pada bulan Disember. Bagi keseluruhan tahun 2014, kadar hasil MGS 10 tahun hanya meningkat sebanyak 2 mata asas.

Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), kadar hasil pada amnya adalah lebih tinggi, berikutan perubahan dalam kadar

Rajah 2.9

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Pada akhir tahun 2014, pemegangan jumlah sekuriti hutang kerajaan oleh bukan pemastautin adalah sebanyak 28.0%. Jumlah sekuriti hutang kerajaan termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, bil perbendaharaan dan Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan (SPPK).

[7] Dengan itu, penurunan spread antara kadar hasil MGS 10 tahun dengan OPR ialah 50 mata asas pada bulan Januari hingga Julai 2014.

Rajah 2.10

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

OPR. Kadar hasil bagi sekuriti penarafan AAA dan AA dengan tempoh matang 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 31 dan 20 mata asas pada tahun itu. Jumlah terbitan PDS[8] baharu adalah sebanyak RM117.3 bilion pada tahun 2014 (2013: RM117.9 bilion). Yang penting, pasaran domestik mencatat terbitan bon renminbi terbesar di Asia Tenggara berjumlah RMB1.5 bilion yang telah terlebih langganan sebanyak 3.1 kali. Selain itu, pasaran PDS mencatat terbitan sukuk oleh bank Islam yang pertama dari Turki berjumlah RM3.0 bilion pada tahun itu.

Kadar hasil PDS terus menyokong pembiayaan sektor swasta

Seperti pasaran bon, prestasi pasaran ekuiti domestik juga mengikuti dua trend yang nyata pada tahun itu, sebahagian besarnya menunjukkan perubahan dalam persekitaran global. Pasaran ekuiti domestik pada amnya berada pada trend menaik antara bulan Februari hingga pertengahan bulan Julai berikutan sentimen global dan domestik yang positif. Dalam keadaan turun naik pasaran kewangan global yang rendah, kadar faedah rendah dalam ekonomi maju dan mudah tunai global yang lebih daripada mencukupi, pelabur antarabangsa tertarik dengan pasaran ekuiti domestik lantaran prospek pendapatan yang positif dalam keadaan prestasi makroekonomi domestik yang kukuh. Pada tempoh itu, bahagian pemegangan bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti domestik meningkat kepada 24.1% pada bulan Julai (akhir tahun 2013: 23.9%). Permintaan yang teguh daripada bukan pemastautin telah diperkukuh oleh pelabur pemastautin, lantas menyebabkan Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) mencapai paras tertinggi baharu dalam sejarah, iaitu 1,892.7 mata pada 8 Julai 2014, dengan peningkatan sebanyak 6.4% dari bulan Februari.

Sentimen dalam pasaran ekuiti domestik sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor luaran

Lonjakan dalam pasaran ekuiti domestik kemudiannya mengalami kebalikan disebabkan ketidakpastian global yang semakin meningkat dan sebahagiannya disebabkan perkembangan dalam negeri. Trend menaik pada mulanya terganggu oleh tragedi pesawat MAS MH17 yang menjejaskan sentimen pelabur. Di samping itu, pasaran juga dipengaruhi oleh perolehan syarikat yang tidak memuaskan bagi suku kedua, terutamanya dalam sektor perladangan, berikutan harga minyak sawit mentah yang lemah. Trend menurun ini terus dipengaruhi oleh pengambilan untung dan pelupusan pelaburan portfolio oleh pelabur bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti serantau, termasuk Malaysia.

Rajah 2.11

Indeks Pasaran Ekuiti



Sumber: Bloomberg

[8] Merujuk kepada terbitan sekuriti di Malaysia oleh syarikat tempatan dan asing sama ada kertas pelaburan jangka pendek, jangka sederhana atau jangka panjang mengikut prinsip Konvensional atau Islam.

Menjelang akhir tahun, sentimen dalam pasaran ekuiti domestik turut terjejas oleh penurunan mendadak harga minyak mentah. Kebimbangan kesan harga minyak mentah yang lebih rendah terhadap ekonomi dalam negeri mendorong kepada penjualan dalam pasaran ekuiti domestik. Sektor minyak dan gas khususnya telah terjejas berikutan kebimbangan bahawa harga minyak yang lebih rendah akan mengakibatkan perolehan dan pelaburan syarikat yang lebih rendah. Indeks FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (FBM KLCI) merosot 11.6% daripada paras tertinggi untuk mencatat paras yang paling rendah pada tahun itu, iaitu 1673.9 mata pada 16 Disember 2014. Bagi tahun itu, FBM KLCI merosot 5.7% (2013: + 10.5%) untuk ditutup pada 1761.3 mata. Pada akhir bulan Disember 2014, permodalan pasaran FTSE Bursa Malaysia berjumlah RM1.65 trilion (2013: RM1.70 trilion).

Mudah Tunai dan Agregat Monetari

Pada tahun 2014, agregat mudah tunai terkumpul yang disimpan di Bank Negara Malaysia kekal tinggi meskipun mencatat pengeluaran mudah tunai bersih disebabkan oleh aliran keluar bersih daripada sektor luar negeri. Pada peringkat bank individu, kebanyakan institusi perbankan terus beroperasi dalam keadaan mudah tunai yang berlebihan.

Sepanjang tahun itu, operasi Bank Negara Malaysia tertumpu pada usaha mengekalkan kestabilan dalam pasaran wang antara bank. Dalam tempoh berlakunya aliran keluar, simpanan yang besar di Bank Negara Malaysia bertindak sebagai penampan mudah tunai untuk sistem perbankan kerana tekanan yang membawa kesan penguncupan ke atas mudah tunai telah diimbangi oleh pengeluaran bersih dana yang dipinjamkan kepada Bank.

Rajah 2.12

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.13

Sumbangan kepada Pertumbuhan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Berikutan aliran keluar sektor luar negeri bersih, mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas (M3), berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 7.0% pada tahun itu (2013: 7.9%). Pertumbuhan M3 yang sederhana juga sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman bank kepada isi rumah yang lebih perlahan.

PEMBIAYAAN EKONOMI

Bagi keseluruhan tahun 2014, pertumbuhan pembiayaan bersih melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) berkembang pada kadar tahunan sebanyak 8.7% pada tahun 2014 (2013: 9.7%; purata sepanjang tahun 2006-2013: 10.7%). Pembiayaan untuk sektor perniagaan kekal kukuh dengan pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada perniagaan yang lebih tinggi. Pertumbuhan pinjaman terkumpul untuk sektor isi rumah berterusan untuk menjadi lebih sederhana sebagaimana yang dikehendaki, berikutan langkah-langkah untuk memastikan hutang isi rumah berada pada paras yang berhemat.

Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul[9] adalah lebih tinggi pada 9.0% dengan pertumbuhan dua angka terus dicatat dalam pinjaman

[9] Termasuk pinjaman terkumpul perusahaan awam, tetapi tidak termasuk pinjaman terkumpul institusi perbankan domestik, institusi kewangan bukan bank domestik, Kerajaan, entiti domestik lain, dan entiti asing dengan sistem perbankan dan IKP.

PKS, iaitu sebanyak 13.3% pada tahun 2014 (2013: masing-masing pada 7.9% dan 12.7%). Pertumbuhan ini dicapai meskipun keadaan kadar pertumbuhan pembayaran balik pinjaman yang lebih cepat berbanding dengan pengeluaran pinjaman antara bulan Januari hingga bulan Ogos 2014. Paras pengeluaran pinjaman, termasuk kepada PKS, kekal kukuh (purata bulanan tahun 2014: RM65.6 bilion; 2013: RM55.3 bilion), iaitu bergerak seiring dengan pertumbuhan permintaan dalam negeri. Peningkatan pengeluaran pinjaman pada amnya disalurkan merentas pelbagai sektor, terutamanya sektor *perdagangan borong dan runcit, serta restoran dan hotel*; *perkilangan*; dan *kewangan*, *insurans dan perkhidmatan perniagaan*.

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal kukuh dengan pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan yang lebih tinggi

Permintaan terhadap pendanaan daripada pasaran modal[10] juga kekal kukuh dengan pasaran bon terus menjadi sumber penting pembiayaan bagi sektor swasta. Terbitan PDS baharu[11] berjumlah RM82.1 bilion pada tahun 2014 (2013: RM82.1 bilion) dengan terbitan terutamanya oleh sektor *kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.* Sebahagian besar terbitan baharu ini juga diperoleh sektor perniagaan, termasuk perusahaan awam, untuk tujuan modal kerja dan pembiayaan projek. Pembiayaan melalui pasaran ekuiti berjumlah RM19.2 bilion pada tahun 2014 (2013: RM16 bilion), dengan dua terbitan hak yang besar oleh syarikat-syarikat dalam sektor *kewangan* serta sektor *perdagangan dan perkhidmatan*.

Rajah 2.14

Jumlah Pembiayaan Bersih kepada Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran PDS



[1] Tidak termasuk terbitan bukan pemastautin, Cagamas, dan kertas pelaburan jangka pendek

Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Termasuk dana yang diperoleh institusi perbankan domestik dan institusi kewangan bukan bank.
[11] Tidak termasuk terbitan PDS oleh bukan pemastautin, Cagamas, dan kertas pelaburan jangka pendek.

Rajah 2.15

Pinjaman Terkumpul Mengikut Peminjam[1]



[1] Termasuk pinjaman terkumpul sistem perbankan dan IKP

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.16

Terbitan Kasar PDS Mengikut Sektor[1]



[1] Tidak termasuk terbitan bukan pemastautin, Cagamas, dan kertas pelaburan jangka pendek

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan dan IKP untuk isi rumah, dan pertumbuhan hutang isi rumah keseluruhan[12] menjadi sederhana pada tahun itu (2014: masing-masing pada 9.8% dan 9.9%; 2013: masing-masing pada 11.6% dan 11.5%). Ini disebabkan langkah-langkah awalan kehematan makro dan mikro yang dilaksanakan oleh Bank sejak tahun 2010 serta garis panduan Penentuan Harga Berasaskan Pengetahuan Risiko yang diperkenalkan pada bulan Mac 2014. Pertumbuhan yang sederhana ini dapat diperhatikan dalam kebanyakan pinjaman isi rumah[13] untuk kebanyakan tujuan, terutamanya pinjaman untuk *pembelian kereta penumpang* dan *sekuriti*, dan untuk *kegunaan peribadi*.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan *pinjaman untuk harta tanah kediaman* meningkat sedikit kepada 13.2% pada tahun 2014 (2013: 12.9%), mencerminkan pengeluaran berterusan secara berperingkat bagi pinjaman yang telah diluluskan sebelum ini. Pertumbuhan pinjaman baharu yang diluluskan untuk *pinjaman harta tanah kediaman* untuk isi rumah menjadi sederhana dengan ketara kepada 4.2% pada tahun 2014 (2013: 26.8%), menunjukkan pertumbuhan permohonan pinjaman yang lebih rendah pada tahun itu, yang sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan cukai keuntungan harta tanah (real property gains tax, RPGT) serta larangan *developer interest bearing schemes* (DIBS) oleh Kerajaan pada bulan Januari 2014. Langkah-langkah ini telah menyumbang kepada pertumbuhan yang sederhana dalam pembelian spekulatif dalam pasaran harta tanah yang didorong kredit. Keadaan ini turut ditunjukkan oleh pertumbuhan yang lebih rendah dalam bilangan peminjam isi rumah yang memiliki lebih daripada tiga akaun pinjaman perumahan.

[12] Terdiri daripada pinjaman isi rumah terkumpul yang diberikan oleh bank dan bukan bank (IKP, institusi kewangan bukan bank lain, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, syarikat insurans dan broker saham).

[13] Termasuk pinjaman terkumpul isi rumah dengan sistem perbankan dan IKP, tetapi tidak termasuk pinjaman yang dikeluarkan oleh bukan bank yang lain.